

14 AUG 2003

IMF-LAWATAN/I

PENGARAH URUSAN IMF HORST KOHLER LAWAT MALAYSIA SEPTEMBER INI

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Horst Kohler akan melawat Malaysia bulan depan bersempena dengan lawatannya ke rantau ini.

Kenyataan dari Kementerian Kewangan berkata yang Kohler akan tiba pada 2 Sept dan akan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi keesokkan harinya.

Selain daripada bertemu dengan pegawai-pegawai kanan kerajaan, beliau juga akan berucap pada majlis jamuan tengahari, anjuran bersama Kementerian Kewangan, Institut Akhbar Malaysia dan National Press Club.

Kohler akan menamatkan lawatannya dengan mengadakan persidangan akhbar bersama dengan Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, tambah kenyataan itu.

Beliau kemudiannya akan berangkat ke Phuket untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). -- BERNAMA  
SHO KTC AA